

HUKUM MENGHADIRI MAJLIS PENGEBUMIAN ORANG BUKAN ISLAM

Islam amat menyukai umatnya yang saling menyayangi antara satu dengan yang lain termasuklah kepada bukan Islam. Islam juga tidak melarang umatnya daripada berbuat baik kepada orang bukan Islam. Bahkan, Islam menyeru umatnya supaya sentiasa berbuat baik dan berlaku adil kepada semua manusia, termasuk terhadap orang bukan Islam. Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

لَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ (٨) إِنَّمَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُم مِّن دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَن تَوَلَّوهُمْ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ فَاُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ (٩)

Maksudnya: “Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang yang tidak memerangimu dalam urusan agama (kamu), dan tidak mengusir kamu dari kampung halamanmu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang yang memerangi kamu dalam urusan agama (kamu), dan mengusir kamu dari kampung halamanmu serta membantu (orang lain) untuk mengusirmu sebagai teman rapat. Dan (ingatlah), sesiapa menjadikan mereka sebagai teman rapat, maka mereka itulah orang zalim.”

(Surah al-Mumtahanah 60: 8-9)

Imam Ibnu Kathir *Rahimahullah* berkata yang bermaksud:

“Bahawa Allah *Subhanahu wata'ala* tidak melarang kamu berbuat baik kepada orang kafir yang tidak memerangi kamu kerana agama, seperti kaum wanita dan orang yang lemah di antara mereka. Allah *Subhanahu wata'ala* hanya melarang kamu bersahabat dengan orang yang telah melancarkan permusuhan terhadap kamu, kemudian mereka memerangi dan mengusir kamu dan membantu mengusir kamu.”

Pada asasnya, Islam menyarankan supaya berbuat baik dan bekerjasama dalam perkara kebaikan. Begitu juga dalam menjaga hubungan kemanusiaan walaupun berlainan agama. Hal yang demikian ini telah ditunjukkan oleh baginda *Sallallahu alaihi wasallam* untuk kita teladani. Perihal itu dinyatakan dalam hadis daripada

Saidina Ali bin Abu Talib *Radhiallahu 'anhu* yang telah bertemu Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dan beliau mengkhabarkan tentang kematian Abu Talib. Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

اَذْهَبْ فَوَارِهِ . قَالَ إِنَّهُ مَاتَ مُشْرِكًا . قَالَ " اَذْهَبْ فَوَارِهِ " . فَلَمَّا
وَارَيْتُهُ رَجَعْتُ إِلَيْهِ فَقَالَ لِي " اغْتَسِلْ "

Maksudnya: "Pergilah dan kebumikannya" Telah berkata (Ali): "Sesungguhnya dia mati dalam keadaan musyrik." Telah berkata (Nabi) berkata: "Pergilah dan kebumikannya" Setelah aku (Ali) mengebumikannya, aku kembali kepada baginda. Maka baginda berkata kepadaku, "Mandilah."

(Hadis Riwayat an-Nasa'i, no. 190)

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* membolehkan orang Muslim untuk menziarahi bukan Muslim semasa hidup dan menziarahi kubur-kubur mereka selepas kematian mereka. Ini kerana menurut beliau, sekiranya dibolehkan ziarah selepas kematian, maka ziarah semasa hidup lebih utama. (al-Minhaj)

Kesimpulannya, menghadiri pengebumian ahli keluarga atau sahabat yang bukan Islam serta tidak memusuhi Islam, hukumnya adalah dibolehkan dan tidak ada larangan padanya. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian iaitu:

1. Harus untuk mengucapkan takziah kepada keluarga si mati dengan kata-kata berbentuk sokongan.
2. Tidak melibatkan diri dengan sebarang upacara keagamaan dan yang bertentangan dengan syariat Islam.
3. Tidak mendoakan keselamatan kepada jenazah bukan Muslim kerana keimanan yang berbeza.